

RANCANGAN PERNIAGAAN

PERUSAHAAN MEMBUAT MAKANAN LEMBU DARIPADA PELEPAH KELAPA SAWIT

Disediakan Untuk :-

ENCIK AMRAN BIN AWANG,
PENSYARAH ETR 300,
DIS 5.

Disediakan oleh:-

NORHAZAMI CHE ABDULLAH	95637436
HARIANA HARIS	95639062
HASMIDA HASSAN	96579908
SITI FATIMAH AHMAD	96660814
NORAZAH AZIZI	95748883

DIPLOMA SAINS
BAHAGIAN LIMA
ITM CAWANGAN PERLIS

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Sekapur Sirih Seulas Pinang

I

Surat Pengesahan

II

Surat Penyerahan

III

Surat Penghargaan

V

Sinopsis

1

Logo

2

Pengenalan

5

Tujuan

6

Latar Belakang Perniagaan

8

Latar Belakang Ahli Kongsi

9

Surat Perjanjian Perkongsian

14

Latar Belakang Projek

17

Perjanjian Sewa

21

Rancangan Organisasi

23

Rancangan Operasi

40

Rancangan Pemasaran

51

Rancangan Kewangan

68

Rumusan

93

Lampiran

97

SINOPSIS

Saujana Mentari Enterprise ditubuhkan sebagai sebuah perniagaan perkongsian di mana ia dimiliki secara bersama oleh 5 orang rakan kongsi. 30% adalah dari modal keseluruhan iaitu RM 58,790.76 dan selebihnya adalah dari Bank Pertanian Malaysia. Cagaran dibuat ke atas dua buah lori milik Saujana Mentari Enterprise.

Saujana Mentari Enterprise menawarkan keluaran pelet yang bermutu tinggi serta terjamin kandungan nutriennya. Beroperasi di tapak perkilangan di Lot 70, Kawasan Perusahaan Kuala Ketil. 09300 Kuala Ketil. Pemilihan lokasi adalah berdasarkan kepada faktor-faktor seperti mudah dikunjungi oleh pelanggan kerana terletak di simpang jalan, lokasi yang hampir dengan bahan mentah serta kemudahan bekalan air, elektrik dan perhubungan.

Sasaran pasaran adalah kepada penternak-penternak lembu daerah Baling khususnya dan seluruh kawasan utara amnya.

PENGENALAN

Syarikat SAUJANA MENTARI ENTERPRISE adalah sebuah perniagaan milik bumiputra yang berbentuk perkongsian. Kami merupakan sebuah syarikat yang mengeluarkan barangan makanan lembu iaitu pelet dari pelepah kelapa sawit.

Pelet dibuat daripada pelepah kelapa sawit yang dicampur dengan bahan-bahan campuran yang berkhasiat tinggi bagi menghasilkan ternakan yang sihat. Pelepah kelapa sawit dikumpul dan diproses menjadi bentuk racikan dan diawet dalam bentuk silaj. Silaj pelepah kelapa sawit yang dihasilkan mempunyai fermentasi yang amat baik kerana pH yang rendah (3.2) dan penghasilan asid laktik yang tinggi.

Gabungan jenis baka yang baik dan pemberian bahan makanan tempatan dalam sistem fidlot akan dapat menghasilkan daging yang bermutu tinggi yang sesuai dan berupaya menembusi 10% pasaran hotel, restoran dan institusi. Secara tidak langsung, dengan penghasilan pelet ini, dijangka dapat memenuhi permintaan terhadap daging tempatan yang biasanya amat ketara semasa musim perayaan.

SAUJANA MENTARI ENTERPRISE akan memulakan perniagaan pada 1 Januari 2000 yang berlokasi di alamat :

Lot 70, Kawasan Perindustrian Kuala Ketil
09300 Kuala Ketil
Kedah.
No Tel: 04-4635019

Kami berharap agar usaha kami ini akan menjadi perintis serta pendorong kepada golongan bumiputra yang lain untuk menceburi bidang ini.

LATAR BELAKANG SYARIKAT

Nama Perniagaan : SAUJANA MENTARI
ENTERPRISE.

Alamat Perniagaan : Lot 70, Kawasan Perindustrian
Kuala Ketil, 09300 Kuala Ketil,
Kedah Darulaman.

Alamat Surat Menyurat : Lot 70, Kawasan Perindustrian
Kuala Ketil 09300 Kuala Ketil,
Kedah Darulaman.

Bentuk Perniagaan : Perkongsian.

Kegiatan Utama : Mengeluarkan dan mengedarkan
rangsum makanan haiwan.

Tarikh Memulakan Perniagaan : Januari 2000.

Tarikh Pendaftaran : 31 Disember 1999.

No. Pendaftaran : AS0185733-V.

Modal Permulaan : RM 610,290.76.

Nama Bank : Bank Pertanian Malaysia.

No. Akaun Bank : 729-2-5650347-4.